

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN WONG HON WAI [BUKIT BENDERA]

TARIKH : 8 DISEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN WONG HON WAI [BUKIT BENDERA] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berikutan dengan perbahasan julung kali berkenaan laporan Tahunan SUHAKAM di Dewan Rakyat pada Disember 2019, sama ada Kerajaan Perikatan Nasional akan mengikuti langkah Pakatan harapan untuk mencadangkan satu usul untuk membahaskan Laporan Tahunan SUHAKAM

JAWAPAN

**YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Seksyen 21, Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 (Akta 597) menyatakan seperti berikut:

“21(1) Suruhanjaya hendaklah tidak terkemudian daripada mesyuarat pertama Parlimen bagi tahun yang berikutnya, mengemukakan suatu laporan tahunan kepada Parlimen mengenai segala aktiviti yang di sepanjang tahun yang dimaksudkan oleh laporan itu.”

Berdasarkan peruntukkan seksyen tersebut, sebagaimana kertas-kertas statut lain, Laporan Tahunan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) Bagi Tahun 2019 (ST.88/2020) telahpun dikemukakan sebagai risalat yang dibawa ke dalam Majlis Mesyuarat dan tidak wajib dibahaskan. Namun demikian, Kerajaan menyatakan bahawa sekiranya ada Ahli-ahli Parlimen berminat berbahas mengenainya boleh memetik kandungannya dalam mana-mana perbahasan yang sesuai. Buat masa ini, Kerajaan belum bercadang untuk membawa usul bagi membahaskan laporan ini memandangkan urusan-urusan Kerajaan perlu didahulukan sebagaimana Peraturan Mesyuarat serta masa yang tidak mencukupi.

Sekian, terima kasih.